

07 MAR 1999

Sabah-Harris

PERUNTUKAN BAGI SABAH DIJAMIN OLEH PERLEMBAGAAN

KOTA KINABALU, 7 Mac (Bernama) -- Pemangku Presiden Parti Bersekutu Datuk Harris Salleh berkata, Kerajaan Persekutuan bertanggungjawab menyediakan peruntukan yang mencukupi bagi membangunkan Sabah tidak kira parti mana yang memerintah negeri itu.

"Kerajaan Pusat tidak boleh mengabaikan tanggungjawabnya dalam soal itu kerana ia telah termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan Malaysia," katanya kepada pemberita selepas berucap di majlis rumah terbuka di kediamannya di Likas di sini, hari ini.

Sehubungan itu Harris menyifatkan kenyataan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad bahawa Kerajaan Persekutuan sukar melaksanakan pembangunan di Sabah sekiranya negeri itu ditadbir oleh parti lain di luar Barisan Nasional (BN) sebagai bercanggah dengan perlembagaan negara.

Dr Mahathir berkata demikian pada Jumaat lepas ketika menasihatkan rakyat Sabah supaya memberi sokongan kepada BN pada pilihan raya negeri kali kesembilan pada 12 dan 13 Mac ini. Beliau berada di Sabah selama tiga hari bermula Khamis lepas.

Harris yang juga bekas Ketua Menteri Sabah sebaliknya mendakwa sejak 1964, Kerajaan Persekutuan gagal menyerahkan bantuan kewangan kepada Sabah berjumlah antara RM5 bilion dan RM10 bilion bersamaan 40 peratus daripada pendapatan lebihan atau cukai yang dikutip daripada negeri itu.

Sehubungan itu, beliau berkata Bersekutu sedang mengkaji daripada sudut perundangan dengan matlamat untuk menuntut kembali tunggakan itu sekiranya parti itu berjaya membentuk Kerajaan Negeri pada pilihan raya kali ini.

Beliau mendakwa, di bawah jadual 10 Seksyen 2 (1) Bahagian IV Perlembagaan Malaysia, Sabah layak menerima 40 peratus daripada pulangan lebihan yang dikutip oleh Kerajaan Persekutuan daripada Sabah dalam bentuk bantuan kewangan istimewa.

Mengenai kemunduran rakyat di Sabah, Harris mendakwa, semasa beliau menjadi Ketua Menteri (antara 1976 dan 1985), negeri itu muncul sebagai negeri kedua termaju di Malaysia selepas Selangor, tetapi keadaan terus merosot selepas itu di bawah Kerajaan Negeri yang diterajui oleh PBS serta BN.

"Semuanya merosot di Sabah sejak 14 tahun lepas, bertambah buruk dengan cepat seperti barah... sebelum itu Sabah disanjung dalam laporan-laporan media asing dan pemimpin-pemimpin tempatan," katanya.

Harris mengakui dakwaan Dr Mahathir bahawa beliau (Harris) seorang yang sukar untuk dibawa berunding, tetapi katanya, ia menjadi sukar apabila membabitkan kepentingan rakyat dan negeri Sabah.

"Bagi saya, tiada tolak ansur dalam soal kepentingan hak negeri dan rakyat Sabah," katanya.

Namun begitu, Harris menjelaskan bahawa beliau tidak ada sebarang pertelingkahan peribadi dengan Perdana Menteri dan berharap Dr Mahathir juga berpendirian serupa.

"Ini kerana perjuangan saya semata-mata untuk rakyat Sabah," katanya.

Mengenai dakwaan sesetengah pihak kononnya Bersekutu sebenarnya terbabit dalam pakatan dengan BN pada pilihan raya ini, Harris berkata parti pimpinannya itu mempunyai matlamat tersendiri dan tidak akan menjalin kerjasama dengan pihak lain termasuk BN dan PBS.

-- BERNAMA

RAR AM PR